



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PERINGATAN BERKAITAN PERSEDIAAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN BERHUBUNG PENJAGAAN KEBAJIKAN,
KESIHATAN DAN KESELAMATAN MURID SEMASA MENGHADAPI
CUACA PANAS DAN JEREBU**

Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa memantau dan menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid khususnya semasa menghadapi keadaan situasi jerebu dan cuaca panas di luar jangkaan. Situasi jerebu dan cuaca panas yang melanda negara juga turut menyebabkan beberapa lokasi menunjukkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada paras tidak sihat.

Sehubungan itu, KPM telah mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semua institusi pendidikan bawah KPM supaya menghentikan segala aktiviti di luar bilik darjah termasuk aktiviti keramaian dan sukan di luar bangunan secara serta merta khususnya di kawasan-kawasan di mana bacaan IPU melebihi 100.

Semua institusi pendidikan bawah KPM dinasihati agar sentiasa merujuk Surat Siaran seperti berikut:

- i. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Berpanjangan bertarikh 26 April 2016.
- ii. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019: Langkah-langkah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Menjamin Kesihatan dan Keselamatan Murid di Sekolah yang Berada Dalam Kawasan Jerebu yang Dianggap Kritikal bertarikh 15 Januari 2019.

Institusi pendidikan juga perlu peka dan memantau bacaan IPU dan status terkini melalui laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada pautan <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> dari semasa ke semasa bagi menjamin kesihatan murid/pelajar dan warga institusi pendidikan.

Manakala bagi penganjuran acara sukan yang sedang berlangsung di peringkat Majlis Sukan Sekolah (MSSM) dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) akan diselaraskan semula lokasi pertandingan ke kawasan yang lebih selamat atau dijalankan secara tertutup dalam bangunan sekiranya perlu berdasarkan bacaan IPU semasa demi keselamatan dan kesihatan peserta yang bertanding.

JPN, PPD dan semua institusi pendidikan bawah KPM disarankan agar melaksanakan langkah-langkah pencegahan sebagaimana dalam garis panduan berikut:

- i. Menangguhkan semua aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas dan berjerebu;
- ii. Memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas;
- iii. Bagi kawasan yang bacaan IPU melebihi 100, semua aktiviti di luar bilik darjah yang melibatkan murid hendaklah dihentikan;
- iv. Bagi kawasan yang bacaan IPU melebihi 200, semua sekolah yang berada dalam kawasan atau daerah hendaklah ditutup dengan serta merta;
- v. Memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan bawah KPM dan menggalakkan murid membawa air minuman sendiri;
- vi. Menasihati dan menggalakkan murid mengambil air minuman dalam kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan;
- vii. Membekalkan air minuman kepada murid asrama sekiranya keadaan kritikal dan tiada sumber lain bagi mendapatkan air minuman; dan
- viii. Sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat jerebu dan cuaca panas.

KPM akan memastikan aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh warganya sentiasa diberikan keutamaan dari semasa ke semasa.

TAMAT

DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
26 OGOS 2026